

29 JUN 2004

Abdullah-Langkawi

LADA PERLU PERBANYAKKAN PROJEK LIBAT PENDUDUK TEMPATAN - ABDULLAH

PUTRAJAYA, 29 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu

Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) memajukan lebih banyak projek pelaburan

dan perniagaan baru di Langkawi yang melibatkan penduduk tempatan.

Perdana Menteri berkata dengan penglibatan maksimum penduduk tempatan

dalam projek pembangunan Lada, mereka berpeluang merasai sendiri segala

faedah dan keuntungan daripada projek itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bersama 12 anggota Lembaga Pengarah Lada, di pejabatnya di sini

hari ini.

Dalam mesyuarat yang berlangsung lebih satu setengah jam itu, Abdullah

menyatakan harapannya supaya Lada mengambil kesempatan daripada pertambahan

bilangan pelancong ke Pulau Langkawi untuk meningkatkan pendapatan penduduk

melalui projek berkaitan pelancongan.

"Kehadiran mereka (pelancong) bukanlah hanya mendatangkan keuntungan

kepada hotel-hotel tapi saya percaya pelancong yang datang akan membuat

lawatan ke tempat-tempat peranginan dan makanan (yang diusahakan penduduk

tempatan)," katanya.

"Saya tidak kata sekarang ini tidak ada (projek untuk rakyat), jangan

pula ingat baru sekarang nak buat, sudah ada, tapi apa yang saya tekankan

ialah memperbanyakkan program seperti ini dapat diseimbangkan dengan pembangunan hotel dan projek-projek lain," katanya.

Abdullah berkata hari ini mesyuarat pertama anggota lembaga pengarah

itu yang dipengerusikan beliau sejak dilantik Perdana Menteri Oktober tahun

lepas.

Perdana Menteri memperakui hakikat bahawa Langkawi kini berkembang

pesat sehingga menjadi sebuah pulau peranginan terkemuka di dunia.

"Sejak mula ditubuhkan, Lada di bawah pengerusi Tun Daim (Zainuddin)

dan kemudian dengan pengerusi baru Tun Dr Mahathir (Mohamad), saya akui

pembangunan yang dilakukan di Langkawi adalah pesat.

"Ia kini dikenali di seluruh dunia dengan jumlah pelancong yang bertambah setiap tahun," katanya.

Perdana Menteri berkata dengan tahap tinggi yang dikecapi itu, Lada seharusnya berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang disediakan bagi memastikan ia terus masyhur dengan pelbagai tarikan yang lebih hebat.

-- BERNAMA

RIZ RON